

Melayu bersatu hanya di perut!
Malaysiakini.com
Apr 23, 2008
Hishamuddin Rais

Slogan 'Melayu Bersatu' semakin bising dan hingar-bingar kedengaran. Apa sebenarnya makna dan tanda slogan ini? Pada hakikatnya slogan 'Melayu Bersatu' tidak memiliki apa-apa makna - ia hanyalah slogan dan laungan yang kosong, sifar, zero dan zilch.

Slogan Melayu bersatu ini samalah tarafnya dengan agenda Melayu dan agenda ketuanan Melayu.

Kalau perkataan b-o-t-o-l keluar dari mulut, maka kita dapat mengenali dan memahami benda itu. Kalau bunyi t-e-l-o-r yang keluar, maka kita dapat membayangkan benda itu.

Tetapi M-e-l-a-y-u B-e-r-s-a-t-u apakah bendanya yang dapat kita fahami daripada bunyi ini? Kalau slogan ini satu konsep, ia wajib memiliki asas.

Konsep ialah perkataan yang memiliki makna tetapi tidak dapat dipegang dan dilihat (kecuali dalam akal). Konsep bukan botol. Konsep seperti berbudi bahasa, kita dapat menggambarkan makna dan kelakuan - berbudi bahasa - yang dicakupi oleh konsep ini.

Melayu Bersatu pasti bukan konsep. Melayu Bersatu hanyalah suatu ilusi, suatu mimpi, suatu khayalan, suatu angan-angan dan suatu karut yang terlalu carut. Kalau melihat kerja ilusi David Copperfield, dapatlah juga kita dihairankannya dan ditakjubkannya.

Slogan Melayu Bersatu tidak menghairankan langsung. Tidak ada yang menakjubkan. Hanya, kita berkemungkinan dapat terhibur dengan kumpulan-kumpulan lawak yang datang bersama sosok-sosok yang sedang mengheboh-hebohkan slogan ini.

Melayu Bersatu bukan konsep kerana ia tidak memiliki asas. Ia menjadi karut lagi carut kerana Melayu tidak pernah bersatu. Melayu tidak bersatu. Dan Melayu tidak akan bersatu. Melayu Bersatu hanyalah satu cerita dongeng yang sengaja dijaja oleh United Malays National Organisation.

money ringgit malaysia wang duit currencyManusia bersatu bukan kerana bahasa. Manusia bersatu bukan kerana agama. Manusia bersatu bukan kerana warna kulit. Manusia bersatu bukan kerana negara. Manusia bersatu kerana kepentingan ekonomi.

Kenapa susah sangat perkara ini difahami?

Memang betul, pada awalnya manusia akan berkumpul dengan orang-orang yang sama bahasa, yang sama kulit, yang sama setempat atau sama agama. Perkumpulan ini menjadi asas awal untuk mereka mengenali dan berkomunikasi antara satu dengan yang lain. Apa tujuan mereka berkumpul? Mereka berkumpul untuk mencari makan. Mencari makan adalah asas ekonomi.

Kenapa susah sangat perkara ini difahami?

Ekonomilah yang menjadi asas untuk manusia berkumpul, berpasukan, berpersatuan, berparti atau bernegara. Manusia juga bertengkar, bertelagah, bergaduh dan berperang kerana ekonomi.

Punca ekonomi ialah hakikat sejarah perjalanan tamadun manusia dari semenjak manusia mula merangkak, bangun, berjalan dan meninggalkan gua-gua batu di Kenya hingga ke hari ini. Sejarah manusia ialah sejarah mencari dan merebut peluang punca-punca ekonomi.

Kenapa susah sangat perkara ini difahami?

Orang Portugis, orang Belanda dan British datang ke Tanah Melayu dahulu bukan kerana gian hendak makan petai atau tempoyak. Mereka datang untuk mendapatkan bijih, emas, rempah-rampai yang boleh mereka bawa pulang ke Eropah. Barang ini untuk diniagakan. Untuk mendapat untung - ini ekonomi.

George W Bush menyerang Iraq bukan kerana hendak melawat Makam Abu Nawas di Baghdad tetapi untuk mengambil telaga dan loji-loji minyak. Serangan ini perebutan punca ekonomi.

Kalau masih ada yang tidak yakin bahawa seluruh hidup dan tamadun manusia hari ini berpunca daripada ekonomi, maka cuba tanya diri sendiri - kenapa selalu sangat timbul cakap-cakap tentang orang Cina di Malaysia lebih kaya daripada orang Melayu.

Atau orang India di Malaysia lebih banyak yang menjadi doktor dan peguam. Atau bangunan di bandar dan di pekan Malaysia majoritinya dimiliki oleh orang Cina.

Semua kenyataan ini sering dianggap dan dilihat sebagai kenyataan 'politik' tetapi asas kenyataan ini ialah perebutan ekonomi.

Semua parti politik yang wujud dalam dunia ini ditubuhkan untuk tujuan ekonomi. Individu-individu berkumpul dan berpayung di bawah parti politik kerana mahu mendapat dan memiliki sumber-sumber ekonomi.

Parti-parti politik mungkin berselindung di belakang warna kulit, di belakang bahasa atau di belakang agama. Semua ini bohong!

Bahasa, warna kulit dan agama tidak dapat membeli beras. Yang dapat membeli beras hanyalah duit. Duit ialah ekonomi.

pope benedict xvi and islam uproar Bahasa, bangsa dan warna kulit digunakan kerana senang untuk dijadikan asas awal untuk berkumpul dan berpersatuan.

Agama? Agama digunakan sebagai asas parti politik kerana ia senang untuk dijadikan payung luas untuk berkumpul.

Yahwe, Buddha, Jesus atau Allah direkrut oleh parti-parti yang berasaskan agama bukan bermakna parti itu suci dan dapat mengurus secara peribadi dengan Yang Maha Esa. Yahwe, Buddha, Jesus atau Allah tidak pernah mengiakan atau memberi endorsement kepada iklan parti-parti politik ini.

Nama-nama tuhan ini digunakan bertujuan merebut peluang ekonomi. Yang membuat dasar parti politik ini bukan Yang Maha Esa tetapi manusia dan ahli-ahli parti politik. Yang Maha Esa tidak pernah mengiakan atau menidakkan manifesto dan program parti-parti ini.

Justeru, bolehkah Melayu bersatu? Jawabnya, tidak mungkin malah mustahil. Kemustahilan

ini muncul kerana manusia Melayu walaupun kesemuanya bercakap Melayu, berkulit sawo matang dan menganut agama yang sama tetapi memiliki asas ekonomi yang berbeza-beza.

United Malays National Organisation adalah parti yang mewakili kelas feodal, kelas komprador, kelas birokrat kapitalis dan kelas borjuis nasional Melayu. Kelas-kelas kapitalis inilah yang menjadi teras ekonomi parti politik ini.

(Komprador adalah peniaga perantaraan di antara rakyat tempatan dengan kapitalis antarabangsa. Borjuis nasional adalah kaum pemodal tempatan. Birokrat kapitalis adalah individu yang menjadi pemodal melalui badan-badan kerajaan i.e. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri atau SEDC)

Parti PAS pula diwakili oleh borjuis kecil, tuan tanah kecil, peniaga kecil, kaum tani, tuan punya warung, nelayan, tok peraih, guru-guru sekolah, pensyarah kolej dan universiti, intelektual lokal dan agamawan lokal. Mereka berasa selesa dengan PAS kerana kepentingan ekonomi dan gaya hidup mereka akan dijaga dengan baik oleh parti ini.

Parti Keadilan Rakyat pula mewakili kumpulan yang seakan-akan sama asas ekonominya dengan PAS tetapi mereka tidak selesa dengan gaya hidup yang dibawa oleh PAS. Mereka lebih urban, lebih kosmopolitan dan memiliki pandangan dunia dan nafsu ekonomi yang luas berbanding dengan pengikut PAS.

Ada satu lagi kumpulan yang berpayung bawah PKR – mereka ini adalah kumpulan peniaga yang memiliki nafsu besar tetapi telah dipinggirkan oleh United Malays National Organisation, atau perniagaan besar mereka terpelocok ketika berlakunya krisis ekonomi 1997.

Mereka ingin mencari payung baru agar nafsu dan kepentingan ekonomi mereka dapat berkembang.

Lihatlah ketiga-tiga kumpulan Melayu ini - mereka tidak memiliki asas ekonomi yang sama. Malah kepentingan ekonomi mereka bertentangan sesama sendiri. Bangsa, bahasa dan agama hanyalah kulitan untuk mencari sokongan dan mengolah persetujuan.

Masih tidak yakin lagi?

Kalau tidak yakin tentang asas-asas ekonomi parti-parti itu, mari kita lihat ke dalam United Malays National Organisation sendiri - parti politik yang 1,000% berahlikan manusia Melayu tetapi tidak pernah bersatu malah sesudah pilihanraya 2008, mereka kelihatan sedang beramuk sesama sendiri. Amukan yang sedang berlaku hari ini berpunca daripada perebutan punca-punca ekonomi.

mahathir najib and abdullah ahmad badawi 090507Mahathir Mohamad mewakili komprador dan borjuis nasional yang selama 22 tahun dulu telah kenyang dan montok. Apabila Abdullah Ahmada Badawi masuk, maka para komprador dan borjuis ini sedang diketepikan kerana Abdullah sedang membawa sosok-sosok baru untuk menggantikan mereka.

Dalam bahasa pasar, Abdullah Ahmad Badawi ada kroni baru dan kroni Mahathir dipinggirkan.

Amat jelas, perebutan punca-punca ekonomi inilah yang menjadikan Mahathir melawan Abdullah dan hasilnya United Malays National Organisation bergaduh.

Lima negeri yang diheboh-hebohkan jatuh ke tangan Pakatan Rakyat bermakna lima punca ekonomi hilang - ini tidak ada sangkut-paut dengan agenda Melayu, ketuanan Melayu atau slogan Bersatulah Melayu.

Orang Melayu di lima negeri ini tetap Melayu. Air sungai Perak tetap mengalir ke laut di muara Bagan Datuk. Air Sungai Gombak tetap sampai ke Klang. Melayu di mana pun mereka berada akan terpaksa juga membayar tol kalau menggunakan Lebu Raya PLUS.

Justeru, ada kumpulan yang menuduh Abdullah Ahmad Badawi lembik - hanyalah sebagai alasan atas kehilangan punca-punca ekonomi mereka. Mereka mahu seorang pemimpin yang 'keras' untuk menjaga kepentingan ekonomi mereka agar terus berkembang i.e. untuk mereka terus mendapat kontrak.

Kalau begitu, siapa pula Tengku Razaleigh Hamzah?

Ku Li mewakili kelas birokrat lama dan kelas feodal Melayu. Kelas birokrat ini muncul ketika Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan. Ketika itu kelas ini berenang dan berpesta dengan harta kekayaan negara. Kelas feodal Melayu juga dapat menumpang semangkuk.

Apabila Mahathir masuk, kelas-kelas ini hampir pupus kerana banyak daripada perbadanan negeri ini diswastakan oleh Mahathir untuk menjadikan mereka borjuis nasional dan komprador. Ada kelas feodal Melayu yang berubah wajah seperti keluarga feodal Negeri Sembilan, mereka bersalin kulit untuk menjadi borjuis nasional agar tidak tercicir.

Adakah saya ini antiMelayu? Jawabnya tidak. Saya bukan anti Melayu. Saya hanya antiperkara yang karut-marut.

Saya yakin hanya kepentingan ekonomi sahaja yang menyatukan umat manusia. Manusia berkumpul untuk kepentingan kelas ekonomi mereka. Pertembungan kepentingan kelas inilah yang sedang berlaku di hadapan mata kita sekarang.

Perebutan punca ekonomi ini sedang dikaburkan dan dipropagandakan sebagai kepentingan bangsa, bahasa dan agama.

Saya anti sesiapa sahaja yang menjajakan perkara yang karut-marut.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news//81848>